

21/10/2002

Isu keganasan dijangka terus jadi tumpuan Apec

Kadir Dikoh

DI Shanghai setahun lalu, mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) buat pertama kali tidak memberi tumpuan sepenuhnya kepada langkah menuju pasaran terbuka, sebaliknya kepada isu keganasan dan pengganas.

Kebetulan ketika itu serangan terhadap Amerika Syarikat pada 11 September 2001 baru saja berlalu.

Mesyuarat Apec di pusat peranginan Los Cabos, Mexico kali ini juga kemungkinan besar tidak dapat mengelak daripada terus membincangkan isu yang sama meskipun pada ketika dunia mencari formula terbaik bagi memulihkan ekonomi.

Ini kerana keganasan secara langsung boleh menjejaskan senario ekonomi dunia.

Malah, kesan serangan 11 September dirasai di seluruh dunia. Orang ramai sudah mula tidak mahu mengembara, apatah lagi ke Amerika Syarikat yang mengenakan pelbagai peraturan kemasukan yang amat ketat.

Nescaya, pergerakan golongan peniaga juga terbatas. Persoalan yang timbul sekarang ialah apakah keutamaan yang hendak dilakukan pada mesyuarat Apec di Mexico kali ini?

Apakah pemimpin Apec yang mewakili 21 negara yang menguasai hampir separuh daripada jumlah perdagangan dunia, akan secara serius mencari jalan bagaimana menyuntik sesuatu untuk mengukuhkan semula ekonomi dunia?

Mungkinkah Apec 2002 seperti juga setiap forum antarabangsa selepas peristiwa 11 September 2001, terus dikuasai oleh isu keganasan antarabangsa?

Tragedi terbaru letupan bom di Bali, Indonesia dan Zamboanga, Selatan Filipina, sehingga peristiwa itu diulangi berpuluh kali dalam siaran CNN hingga kini, bagaikan memberi isyarat bahawa mesyuarat Apec kali ini tidak terlepas daripada turut menyentuh isu itu.

Mesyuarat Apec yang dianggotai 21 negara itu, bermula pada peringkat pegawai kanan (SOM) hari ini selama dua hari, diikuti peringkat menteri Khamis ini dan mesyuarat pemimpin Apec pada hujung minggu.

Di antara mesyuarat itu, menteri atau pemimpin Apec bersantai dengan mengadakan perbincangan tidak formal.

Pelbagai peristiwa sebelum berlangsungnya Apec di Los Cabos - seperti keghairahan Amerika Syarikat mahu menyerang Iraq - memberikan andaian bahawa kedua-dua isu ekonomi dan politik tidak boleh dipisahkan dan saling bertaut.

Ketua kerajaan Apec, termasuk Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, pada pertemuan di Shanghai, Oktober tahun lalu sepakat mengutuk serangan pengganas pada 11 September, dengan menganggap serangan itu sebagai ancaman kepada keamanan, kemakmuran dan keselamatan semua manusia, agama dan negara.

Pemimpin Apec, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika itu menekankan perlunya dipertingkatkan kerjasama antarabangsa di semua peringkat untuk membanteras keganasan, dan dalam soal ini, mahukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memainkan peranan utama.

Dalam pertemuan di Los Cabos kali ini, pemimpin Apec mungkin memberi lebih penekanan kepada kaedah menangani pengganas dan keganasan.

Tetapi sejauh mana keikhlasan negara kuasa besar seperti Amerika dan negara maju lain menangani masalah itu, masih dipersoalkan.

Ini kerana sejak kebelakangan ini, terutama dalam soal Iraq, Washington yang disokong kuat sekutunya, kelihatan lebih berminat untuk bertindak

sebelah pihak atau bersendirian, dengan membelakangi PBB pada hal di Shanghai tahun lalu, Bush turut menyokong supaya PBB memainkan peranan utama bagi menangani isu itu.

Pemimpin Apec memang memandang serius ancaman keganasan ini kerana ia juga secara langsung mengancam wawasan Apec untuk mewujudkan negara yang bebas, terbuka dan makmur serta kepada nilai asas yang dipegang oleh anggota Apec.

Antara langkah bagi menangkis keganasan ialah menerusi tindakan kewangan yang sewajarnya bagi menyekat pengaliran pembiayaan kepada pengganas.

Itulah komitmen pada mesyuarat Apec lalu tetapi ia kini jelas tidak memberi kesan.

Ini kerana keadaan sekarang semakin rumit berikutan tindak-tanduk negara kuasa besar sendiri yang semakin menekan umat Islam.

Pelbagai peraturan dibuat dan diperketatkan, dengan menjadikan umat Islam sebagai sasaran. Keadaan itu mencetuskan perasaan lebih marah dan ia sebenarnya tidak membawa kebaikan kepada semua.

Mungkin pemimpin Apec, terutama dari negara Islam seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei, dapat menyuarakan isu itu meskipun anggota lain terdiri daripada negara bukan Islam.

Anggota Apec lain ialah Amerika, Australia, Kanada, Chile, China, Korea Selatan, Filipina, Hong Kong, Jepun, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Russia, Singapura, Thailand, Taiwan dan Vietnam.

Kemungkinan serangan berlaku ke atas Iraq boleh menggegarkan pasaran minyak di kawasan teluk yang kaya dengan pengeluaran komoditi itu. Harga minyak sudah melambung tinggi sejak pentadbiran Bush buat kali pertama menyatakan kesediaan untuk bertindak sendiri terhadap Presiden Saddam Hussein. PBB bagaikan tidak bermaya.

Pelabur enggan memasuki pasaran sekuriti kerana tidak mahu terperangkap dalam keadaan yang tidak menentu. Berbilion ringgit dikeluarkan daripada pasaran dan di atas kertas, dan dunia kini lebih miskin berbanding ketika forum Apec di Shanghai, Oktober lalu.

Persoalan timbul ialah apa tujuannya membincangkan soal perdagangan dan isu ekonomi apabila Amerika mahu menghantar bala tentera untuk menghapuskan Saddam?

Apa gunanya segala cadangan baik untuk memulihkan ekonomi sejagat apabila pergerakan aliran wang tersekat kerana keengganan pelabur memasuki pasaran disebabkan keadaan keselamatan tidak menentu.

Terpulang kepada kebijaksanaan pemimpin Apec untuk bersetuju mengenai langkah terbaik menangani keganasan ibarat menarik rambut dalam tepung - rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak.

Pelaksanaan dasar yang sempurna mengenai perdagangan, pelaburan dan kewangan bagi membantu pertumbuhan ekonomi dalam keadaan ekonomi global yang masih belum pulih sepenuhnya, tidak mungkin berjaya dan boleh dilaksanakan dengan licin selagi isu keselamatan tidak ditangani dengan sebaik mungkin.

Pemimpin Apec, terutama yang mewakili Asia, berkemungkinan mendesak supaya Apec membuat pelaburan sehingga AS\$6 bilion bagi mewujudkan pasaran untuk perdagangan bon Asia.

Setiap anggota Apec dikehendaki memberi sumbangan. Kebanyakan negara Asia tidak begitu cergas dalam pasaran bon dan ini memaksa syarikat bergantung kepada pinjaman bank atau terbitan saham untuk mendapatkan modal.

Dengan itu, cadangan mewujudkan pasaran bon itu adalah sebagai sumber pembiayaan alternatif.

Jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi semua 21 negara anggota Apec adalah melebihi AS\$18 trilion (RM68.4 trilion) dan ia adalah 43.85 peratus daripada jumlah dagangan dunia.

Pemimpin Apec juga dijangka membincangkan soal memperkukuhkan sistem perdagangan pelbagai hala - susulan daripada persidangan peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang diadakan di Doha, Qatar, November lalu yang berjaya melancarkan pusingan baru perundingan.

Mesyuarat Apec lalu menggesa komitmen untuk melancarkan pusingan baru WTO pada persidangan peringkat menteri WTO di Doha itu. Mesyuarat di Doha menetapkan empat isu - pelaburan, alam sekitar, dasar persaingan dan pemerolehan kerajaan - hanya akan mula dirundingkan dua tahun lagi.

Ini berikutan empat isu terbabit sebelum ini ditolak oleh negara membangun daripada dimasukkan dalam butiran baru pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala kerana mereka masih belum mampu menanganinya.

Bagi Malaysia, ia dijangka mampu membuat persediaan bagi merundingkan empat isu itu dalam tempoh ditetapkan seperti dinyatakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang turut menghadiri mesyuarat berkenaan.

Cadangan WTO untuk melancarkan satu pusingan rundingan perdagangan baru sejagat selepas pusingan Uruguay tamat di Marakkech pada 1994, terkandas apabila mesyuarat peringkat menterinya di Seattle pada 1999, gagal.

Malaysia sebelum ini tidak pernah menentang rancangan pelaksanaan satu pusingan rundingan perdagangan baru WTO tetapi mahu ia mempunyai agenda kukuh yang mengambil kira kepentingan semua pihak.

Mesyuarat SOM yang pertama bagi Apec sebenarnya sudah bermula di Bandaraya Mexico pada 27 Februari lalu.

Sepanjang tahun ini, Mexico menjadi tuan rumah kepada lebih 100 mesyuarat Apec, termasuk peringkat menteri perdagangan, kewangan, tenaga, pelancongan, perusahaan kecil dan sederhana, integrasi gender, majlis penasihat perniagaan Apec, kemuncak ketua eksekutif, mesyuarat bersama Menteri Luar dan Perdagangan dan kemuncaknya hujung minggu ini apabila mesyuarat pemimpin Apec diadakan.

Mesyuarat SOM yang pertama pada 27 dan 28 Februari lalu menyediakan penyelarasan menyeluruh dan arah bagi proses Apec tahun ini. Tugas SOM ialah untuk melaksanakan arahan pemimpin dan menteri Apec seperti dipersetujui di Shanghai, Oktober tahun lalu.